

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUAN 15 BILANGAN 47 RABU 25 NOBEMBER 1970 1390 رابو 25 رمضان PERCHUMA



DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan (kiri) dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin kelihatan bersama2 dengan Sir Alec Douglas-Home, Setia Usaha Luar British bagi Hal-Ehwal Kommonwealth di-Pejabat Luar di-London ketika Sir Alec membuka perbincangan mengenai hubungan masa depan British dengan Brunei.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bersama2 dengan rombongan Baginda sedang mengadakan lawatan ka-Britain atas undangan Setia Usaha Luar British dan menjadi tetamu kepada Kerajaan British.

Britain ada-lah bertanggung-jawab atas soal pertahanan dan hal-ehwal luar Brunei di-bawah Perjanjian Brunei tahun 1959.

Duli Yang Maha Mulia telah melawat London dalam bulan September dan Oktober, 1968 dan dalam bulan Nobember, 1969 untuk mengadakan perbincangan2, dan Lord Shepherd, di-bawah pemerintahan kerajaan Parti Buruh yang lalu telah mengadakan lawatan ka-Brunei dalam bulan April tahun ini.

Pmk. M.B. lawat pelabohan Muara


PEKAN MUARA. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah melawat pelabohan ayer dalam di-Muara semalam.

Yang Amat Mulia dalam lawatan itu di-iringi oleh Awang Jaya bin Abdul Latif dan Awang Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman,

kedua2-nya pegawai pentadbir di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan.

Ketibaan Yang Amat Mulia dan rombongan telah di-sambut oleh Pesuruhjaya Kemajuan, Awang J. L. Firth, Pegawai Peranchang Bandar, Awang S. Litherland, Awang Yahya bin Haji Haris dan

(LIHAT MUKA 8)



Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara (No. 2 dari kanan) sedang mendengar penerangan Awang Mathews mengenai dengan projek pelabohan ayer dalam itu. Nombor 2 dari kanan ia-lah Pesuruhjaya Kemajuan Awang Firth dan di-kiri sekali ia-lah Awang Jaya.

PELAJARAN MEMBACHA AL-QURAN DI-PESATKAN TAHUN DEPAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal-Ehwal Ugama akan meluaskan lagi rancangan2-nya untuk menarek minat raayat Islam di-negeri ini di-bidang pembachaan dan mengetahui isi kandungan kitab suci Al-Quran.

Sa-takat ini, jabatan itu telah menyediakan guru2 khas untuk mengajar pembachaan Al-Quran, sama ada yang di-datangkan dari luar negeri mahupun terdiri dari anak2 tempatan.

Di-seluruh Negeri Brunei sa-hingga masa ini, sa-banyak 113 buah kelas Al-Quran telah di-adakan.

Ini telah di-nyatakan oleh Pengetua Hal-Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin ketika beruchap di-majlis khatam dan Nuzul Al-Quran anjoran persatuan PERKASA dalam minggu lepas.

Menurut beliau, pegawai itu akan mengadakan lawatan2 ka-semua kelas2 tersebut untuk memberikan tunjuk ajar sama ada mengenai dengan sistem pengajaran dan lain2 perkara yang bersangkutan.

Hal2 pentadbiran bahagian itu akan di-kelolakan oleh pegawai yang lain yang tetap berada di-pejabat.

Dengan chara yang demikian, beliau berharap supaya kelas2 Al-Quran di-negeri ini akan terus maju dengan perkembangan2-nya yang baik, bukan hanya dengan pertambahan bilangan kelas2 itu nanti, tetapi juga dengan mutu pembachaan dan semangat chintakan Al-Quran dengan lebih mendalam.

Beliau menyeru ibu bapa dan penjaga kanak2 supaya mengambil berat akan pembachaan Al-Quran bagi anak2 mereka. Beliau juga menyeru

(Lihat muka 8)



Ahli2 kugiran "Seroja" ketika membuat rakaman di-Studio Radio Brunei. Pencharagam ini akan dapat didengar dalam ranchangan bagi menyambut Hari Raya.

Hampir 40 buah ranchangan di-susun untuk Hari Raya

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perkhidmatan Melayu Radio Brunei sedang menyusun hampir 40 buah ranchangan yang berupa hiburan untuk di-siarkan semasa sambutan Hari Raya Idilfitri ini.

Ranchangan2 yang telah disusun termasuk ucapan selamat dari para penuntut di-luar negeri, permintaan derma anak2 yatim dan ranchangan bertajuk Bakat Terpendam yang berupa hiburan dan nyanyian dari bakat2 lama.

Selain dari ranchangan2 itu, perkhidmatan Melayu juga menghidangkan beberapa buah sandiwara pentas dan drama radio.

Pasokan Pulis Di-Raja dan Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei juga akan menyumbangkan ranchangan2 untuk siaran Hari Raya itu.

Perkhidmatan Melayu maseh lagi menerima pendaftaran bagi lagu2 permintaan talipon. Pendengar2 yang berminat bolehlah berhubung dengan Pemangku Pengelola Bahagian Melayu untuk mendaftarkan nama dan siarannya sa-chara langsung dari rumah ka-studio akan di-siarkan selama tiga hari berturut2 mulai pukul 11.30 pagi hingga 12.30 tengah hari. Tiap2 permintaan talipon hendaklah di-jelaskan sekali derma sa-banyak \$3.00 tiap2 satu panggilan, sementara kad2 permintaan juga di-terima dengan disertai wang sa-banyak \$1.00 tiap2 satu kad.

Pada malam raya, siaran tambahan bagi perkhidmatan Melayu ia-lah dari pukul 10.30 malam hingga 12.00 malam. Hari Raya yang pertama dan kedua dari pukul 6.30 pagi hingga 12.00 malam dan Hari Raya yang ketiga dari pukul 6.30 pagi hingga 10.30 malam.

1,202 ORANG MASOK PEREKSA MEMBERENTAS BUTA HURUF

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 1,202 orang pelajar dewasa memberantas buta huruf akan mengambil peperiksaan bahasa Melayu, menulis, membaca dan kira2 dalam bulan Disember depan.

Peperiksaan itu akan diadakan pada 11, 18 dan 19 Disember tahun ini di-semua pusat2 peperiksaan yang telah di-tetapkan di-negeri ini mulai 2.00 petang.

Sa-ramai 508 orang lagi dari pelajar2 itu akan mengambil

peperiksaan permulaan, 431 menengah dan 263 tertinggi.

Bachan jawi dan renchana jawi bagi perengkat menengah dan tertinggi akan di-adakan pada 11 Disember, bachan rumi dan renchana rumi bagi permulaan, menengah dan tertinggi di-adakan pada 18 Disember, bahasa Melayu dan kira2 bagi permulaan, menengah, dan tertinggi pada 19 Disember.

Derma untuk anak2 yatim

TEMBURONG. — Jawatankuasa Derma Anak2 Yatim Daerah Temburong telah mengedarkan borang2 bagi pendaftaran anak2yatim, muallap2 dan pesakit2 di-daerah itu yang berhak untuk menerima derma berupa wang.

Borang2 itu di-edarkan kepada penghulu dan ketua2 kampung yang akan mengedarkan-nya kepada penduduk2 di-kampung masing2.

Badan jawatankuasa itu juga telah mengedarkan borang2 bagi pendaftaran anak2 yatim dan muallap untuk menerima hadiah2 Hari Raya.

Sa-orang juruchakap bagi badan jawatankuasa itu berkata, penghulu dan ketua2 kampung itu hendaklah mengembalikan borang2 yang telah di-isikan itu kepada Setia Usaha Jawatankuasa Derma Anak2 Yatim itu, tidak lewat dari 26 Noverber.

Hadiah2 Hari Raya itu akan di-bahagikan pada tarikh dan tempat yang akan di-umumkan kemudian.

Pulang sa-telah hadhiri kursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai tujuh orang pulis inspekter dalam perhubungan telah pulang ka-tanah ayer pada minggu lalu, sa-telah menjalani kursus selama enam bulan di-Maktab Pulis Di-Raja Malaysia di-Kuala Kubu Bahru, Selangor.

Mereka ia-lah Awang Hamzah bin Mohamed Salleh; Awang Zainal Abidin bin Abdul Rahman; Awang Majid bin Ahmad; Awang Mohamed Ibrahim bin Kassim; Awang Zainuddin bin Abdul Rahman; Awang Bahar bin Arshad dan Awang Zainal Abidin bin Sanif.

Sementara itu Ketua Pemeliharaan Ikan bagi Aquarium Brunei, Awang Ibrahim bin Momin telah pulang ka-tanah ayer pada minggu lalu sa-telah menjalani satu kursus selama sa-tahun mengenai pengurusan aquarium di-seberang laut.

Awang Ibrahim telah menghadiri kursus di-aquarium London Zoological Garden, England dan di-Zoological Garden di-Frankfurt, Jerman Barat.

Beliau juga telah menghabiskan masa selama beberapa minggu di-aquarium2 Amsterdam dan Stuttgart.

Sek. Bt. Sawat hampir siap

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerja membena Sekolah Melayu baru di-Bukit Sawat di-Daerah Belait hampir siap.

Sekolah baru itu mempunyai satu blok yang mengandungi enam bilek darjah, sa-buah pejabat bagi guru besar, sa-buah bilek guru2 dan empat buah tempat kediaman bagi guru2.

Ini ada-lah sekolah yang kedua di-Bukit Sawat di-bena oleh kerajaan.



SA-SUNGGUOH-NYA Allah Subahanahu Wataala telah mewajibkan ka-atas hamba2-nya dengan kewajipan2 yang tertentu. Dan menentukan bahawa ia-Nya (Allah) menyediakan balasan kapada orang2 yang ta'at dan mengerjakan surohan-nya dengan shorga, dan menyediakan pula neraka untuk orang2 yang engkar dan derhaka.

Bershukor-lah kita ka-hadharat Allah, kerana dengan khadarat-nya, maka pada hari ini kita telah berjaya masok ka-dalam masa sa-paroh akhir dalam menunaikan ibadat puasa. Maka barang siapa yang mengerjakan ibadat puasa-nya dengan baik dan sempurna, berbahagia-lah mereka dan semuga amal itu akan diterima oleh Allah. Tetapi bagi orang yang menchuaikan-nya (ibadat puasa) itu, maka sudah pasti-lah kerugian jua bagi-nya, dan belum-lah dapat di-pastikan bahawa ia-nya akan dapat berjumpa Ramadhan Al-Mubarak pada tahun2 yang akan datang. Walau bagaimana pun peluang maseh ada untuk kita merebut ke-istimewaan bulan Ramadhan yang telah di-janjikan oleh Allah, kerana Ramadhan Al-Mubarak maseh bersama2 kita dan hendak-lah kita ingat bahawa dalam sa-puluh hari malam yang akhir ini ada-lah masa di-antara-nya di-katakan 'Lailatul Qadar' (malam Kadar) sa-bagaimana yang telah di-jelaskan oleh Allah dalam surat Al-Kadar yang bermaksud:

"Satu malam Lailatul Qa-

ZAKAT FITRAH PEMBERSEH BADAN ORANG2 YANG BERPUASA

KHUTBAH JUMA'AT

Barang siapa mengeluarkan-nya sa-belum Sembahyang Hari Raya, maka itu ada-lah zakat yang di-terima. Dan siapa2 yang mengeluarkan-nya sa-sudah sembahyang, itu ada-lah sedekah biasa.

dar itu lebih baik daripada sa-ribu malam".

Dalam bulan Ramadhan ini juga kita umat Islam di-wajibkan mengeluarkan zakat fitrah. Zakat fitrah ada-lah di-wajibkan dan orang2 yang bertang-

gong jawab mengeluarkan zakat fitrah bagi orang yang di-tanggong-nya sa-banyak satu gantang Bagdad dan jika dengan timbangan di-negeri kita ini ia-lah tiga kali 12 tahlil beras itu.

Dan ada pun tujuan mengeluarkan zakat fitrah ini dan masa-nya ada di-tentukan, tidak-lah dapat sa-suka hati sahaja.

Menurut maksud sa-buah hadith yang di-riwayatkan oleh Abu Daud dan Ibnu Majah bahawa Rasulullah s.a.w. telah memerdkuhkan zakat fitrah menjadi pembersehh badan bagi orang yang berpuasa daripada kesilapan2 dan terlanggar hukum, dan sa-bagai memberi makan bagi orang2 yang miskin, maka barang siapa yang mengeluarkan-nya sa-belum sembahyang Hari Raya, maka itu ada-lah zakat yang di-terima dan siap2 yang mengeluarkan sa-sudah sembahyang Hari Raya maka itu ada-lah sedekah biasa.

Dari maksud hadith yang tersunting di-atas, maka dapat-lah di-fahami bahawa zakat dan fitrah ada-lah di-tentukan masa mengeluarkan-nya. Maka hendak-lah di-tentukan pada masa2 yang di-tentukan ini supaya kita tidak di-hitong chuai yang mana akan membawa kita kapada kerugian dan sia2 belaka. Zakat fitrah ini juga ada-lah untuk membersehh segala perkara2 yang di-lakukan oleh orang yang berpuasa sa-lama sa-bulan Ramadhan, saperti tersilap atau terlanggar pada hukum2 puasa.

Di-negeri kita Brunei Darus Salam ini telah di-tetapkan oleh kerajaan bahawa zakat fitrah bagi Daerah Brunei dan kawasan Bandar Seri Begawan ia-lah sa-banyak \$1.56½, kawasan Tutong \$1.59½ sementara kawasan Seria, Belait dan Temburong ia-lah \$1.62½.

Oleh yang demikian, maka ini-lah di-serukan kapada maksud apa yang di-katakan zakat dan fitrah. Muga2 dengan amalan kita di-bulan yang mulia ini kita akan mendapat limpah rahmat dari Allah Subahanahu-wataala. Amin ya rabul alamin.

Tujuh orang di-tangkap kerana tidak puasa

KUALA BELAIT.—Sa-ramai tujuh orang Islam di-Daerah Belait akan di-hadapkan ka-Mahkamah Shara'iah di-daerah itu kerana di-dapati makan dan minum di-khalayak ramai dalam bulan puasa.

Kadzi Daerah Belait Awang Abdul Salam bin Abdul Razak berkata, ketujuh2 orang itu

telah di-tangkap baharu2 ini dan akan di-hadapkan ka-Mahkamah Shara'iah di-Kuala Belait.

Beliau menerangkan jika mereka di-dapati salah menurut undang2 Ugama Islam, mereka akan di-denda sa-banyak \$50.00 bagi kesalahan pertama, \$75.00 bagi kesalahan kedua dan \$100.00 bagi kesalahan ketiga.

Ketujuh2 orang itu telah di-tangkap oleh Merinyu Ugama di-Daerah itu, Lima di-Pekan

Seria dan dua di-Kuala Belait termasuk sa-orang perempuan.

Sementara itu, Kadzi di-Daerah Brunei Muara, Tutong dan Temburong berkata, satakat ini belum ada tangkapan di-lakukan di-Daerah masing2 bagi mereka yang melanggar perintah2 itu.

Dua berkursus di-Kuching

BANDAR SERI BEGAWAN.— Dua orang operator talipon dari Jabatan Talikom telah berlepas ka-Kuching pada hari Rabu lepas menghadiri kursus selama sa-bulan mengenai Chara2 Mengurus Talipon di-Pusat Latehan Talikom di-Kuching.

Mereka ia-lah Dayang Layah binte Abdul Latiff dan Dayang Teo Kim Noi.

Dua orang wanita lagi yang telah menamatkan kursus serupa itu telah pulang ka-Brunei petang itu juga. Mereka ia-lah Dayang Salimah binte Awang Olen dan Dayang Judith Shim.

Sambutan Nuzul Al-Quran

SERIA.— Umat Islam di-Seria merayakan Nuzul Al-Koran dengan mengadakan pertandingan2 yang berchorak ugama di-Masjid Seria pada minggu lalu.

Pertandingan2 yang di-anjarkan oleh guru2 ugama di-Seria ada-lah terbuka kapada orang2 dewasa dan kanak2 sekolah.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan.

Sa-orang pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Said bin Haji Ibrahim telah memberikan cheramah khas berhubung dengan Nuzul Al-Koran.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 25 Nob. 1970 hingga ka-hari Selasa 1 Dis. 1970, ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
25 Nob.		12-12	3-31	6-09	7-24	4-38	4-53	6-10
26 Nob.		12-13	3-32	6-09	7-25	4-39	4-54	6-12
27 Nob.		12-13	3-32	6-09	7-25	4-39	4-54	6-12
28 Nob.		12-13	3-32	6-09	7-25	4-39	4-54	6-12
29 Nob.		12-13	3-32	6-09	7-25	4-39	4-54	6-12
30 Nob.		12-13	3-32	6-09	7-25	4-39	4-54	6-12
1 Dis.		12-15	3-34	6-12	7-26	4-41	4-56	6-14

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

25hb. Nohember, 1970.

KEBAIKAN

DALAM bulan yang berkat ini, maka usaha2 yang berkebaikan yang di-lakukan dengan penuh kejujuran dan keikhlasan itu, akan mendapat faedah2 yang lebih di-sisi Tohan. Bahkan di-sisi masha-rakat umum kita akan di-pandang lebih mulia jika kita dapat melaksanakan usaha2 kebaikan sa-umpama membantu orang2 yang susah, mengujudkan suasana yang penuh persaudaraan antara sa-sama kita seperti suasana mesera antara berjiran dan berbagai2 lagi. Islam tidak mengkehendaki umat-nya berpecah belah, bahkan mengkehendaki suasana kemajuan, perpaduan dan persafahaman itu sentiasa ujud di-kalangan Umat Islam sendiri khas-nya.

Untuk mencapai tangga2 kebaikan2 sa-umpama itu boleh di-laksanakan dengan melalui berbagai2 cara termasuk dengan sumbangan fikiran2 yang di-luaskan dengan iringan kejujuran dan keikhlasan kerana Allah.

Bagi melaksanakan kebaikan2 itu, maka tidak-lah samestinya yang tindakan2 dan sumbangan2 fikiran itu diterima 100% dengan persetujuan melalui isyarat anggokan kepala saja, tetapi jika mahu benar2 baik ia-lah dengan paduan pendapat2 yang banyak, kerana manusia itu masing2 dengan kekurangan dan kelebihan-nya. Kebijaksanaan manusia tidak lengkap meliputi kepada semua lapangan yang ujud, bahkan orang yang disebut pakar dalam satu2 jurusan pun maseh ada kekurangan-nya yang kadang2 kekurangan-nya itu boleh di-dapati daripada orang2 yang bukan pakar. Kerana itu, pembantu2 tenaga kerja ada-lah mustahak jika benar2 kita berhasrat dan mahu melihat ujud-nya satu2 usaha itu mencapai puncak kejayaan-nya yang mengembirakan.

Usaha2 yang kita lalui pada masa2 yang lalu, memang banyak menimbulkan pengajaran (jika kita mahu mempelajarinya), dan yang pasti tidak sempurna itu ada-lah perlu di-sempurnakan (jika kita mahu ia-nya sempurna).

Dalam minggu ini kita mengikut kenyataan dari Pengetua Hal-Ehwal Ugama yang berikrar akan memasatkan rancangan di-bidang pembacaan Al-Quran di-kalangan rakyat Islam di-negeri ini. Tahun 1971 kelas2 Quran yang berjumlah 113 buah di-seluruh negeri akan mempunyai sa-orang pengawas khas untuk mengadakan lawatan2 ka-kelas2 tersebut dan memberi tunjuk ajar dan lain2 yang bersangkutan dengan-nya. Tugas pegawai itu hanya melawat saja dan membuat laporan2 yang bersangkutan, manakala hal2 pertadbiran akan di-kelolakan oleh lain2 pegawai dalam bahagian itu.

Ini bermaana merupakan penentuan tugas yang tidak boleh di-ganggu dan mengganggu — tidak berchampur adok. Pengkhususan tugas demikian ada-lah menurut sistem bekerja yang betul untuk melicinkan tugas2 yang di-pikulkan dengan di-sertai oleh kemudahan2 yang perlu. Alangkah molek, jika keseluruhan-nya demikian.



Di-antara jemputan2 yang hadir kelihatan sama2 menadah tangan memuji kebesaran Tohan dalam bacahan do'a selamat di-sambutan Nuzul Al-Quran. Di-kiri sekali ia-lah Yang Di-Muliaan Pehin Orang Kaya Seri Maharaja Dato Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz; Awang Husain bin Pehin O.K. Di-Gadong; Awang Abdul Aziz Omar Al-Haj; Awang Yahya bin Hj. Ibrahim (Timbalan Pengerusi sambutan); Pengetua Hal-Ehwal Ugama; Y.B. Pehin Orang Kaya Laksamana Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Rahman; dan Begawan Pehin Tuan Imam, Dato Haji Metassim.

Awang Abdul Hamid bin Bakal sedang membacakan tafsir dari ayat2 Al-Quran yang di-baca dalam peraduan hapadz Al-Quran.

Penonton2 kelihatan berdedat2 di-pekarangan Lagoon Mesjid Omar Ali Saifuddin ketika menyaksikan acara2 sambutan Nuzul Al-Quran.



(Gambar2 yang di-siarkan di-halaman ini ia-lah ihsen dari Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei).



SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN

BADAN Penerangan Jabatan Hal-Ehwal Ugama Brunei dalam minggu lalu telah mengadakan sambutan Nuzul Al-Quran dengan acara2-nya yang sederhana, tetapi telah menarik minat penonton2 yang membanjiri kawasan lagoon mesjid Omar Ali Saifuddin pada malam majlis itu di-adakan.

Mahligai indah yang terletak di-lagoon mesjid tersebut telah menjadi sasaran pandangan penonton apabila bermula-nya pertunjukan tatoo di-ayer yang menceritakan kepahlawanan Tariq bin Ziad yang terkenal sa-bagai salah sa-orang pahlawan dan tokoh Islam yang sukar di-tewaskan dalam peperangan.

Tatoo yang mengesahkan kepahlawanan Tariq bin Ziad itu ia-lah acara kemuncak sambutan Nuzul Al-Quran di-samping acara2 yang lain seperti peraduan hapadz ayat2 suchi Al-Quran dan pembacaan tafsir-nya, pembacaan Al-Quran dan persembahan nashid yang di-ketuai oleh Haji Awang Damit bin Haji Kawang.

Lakunan tatoo itu ia-lah mengesahkan kegelisahan raja Sepanyol yang bernama Comt Julian yang telah di-gulingkan oleh Rodreck. Raja itu telah meminta bantuan kepada tentera2 Islam yang di-pimpin oleh Musa bin Nusair yang kemudian ia memerintahkan Tariq bin Ziad untuk memerangi

Rodreck di-Sepanyol dan kemudian-nya Rodreck terkorban di-tangan Tariq bin Ziad dan Sepanyol kembali berjaya.

Dalam lakunan itu telah di-tunjukkan babak pelayaran Tariq bin Ziad menuju ka-Sepanyol dengan menempoh angin ribut dan bagaimana ketakutan tentera2 Islam ketika itu bila mengetahui yang tentera2 musuh berganda2 jumlah-nya dari mereka. Tariq sadar akan hal ini lalu membakar bahtera2 yang di-naiki mereka tadi atas tujuan untuk menguatkan semangat tentera2 Islam untuk berjuang terus. Kerana tidak ada jalan untuk lari, maka tentera2 Islam itu menghadapi musuh2 mereka dengan tangkas dan berani. Akhir-nya mereka menang.

Di-samping itu, sambutan2 Nuzul Al-Quran telah juga di-adakan dengan meriah-nya di-kampung2 yang antara-nya terdapat sambutan2 yang di-anjurkan oleh persatuan2 belia yang juga telah menganjurkan malam bertadris seperti yang di-lakukan oleh persatuan PERKASA.

Bertadris dalam bulan Ramadhan ini juga telah di-adakan di-beberapa tempat seperti di-suasana bertadris yang di-adakan tahun2 yang lalu. Antara tempat2 yang terkenal mengadakan majlis bertadris itu ia-lah di-Istana Darul Hana, di-Rumah Besar (yang baru), Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Rumah Besar Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, di-rumah Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota, Pengiran Muda Dato Paduka Kamaluddin Al-Haj dan di-rumah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja, Dato Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin Pengetua Hal-Ehwal Ugama Brunei.


Di-rumah Y.B. Pehin O.K. Ratna Di-Raja telah mengadakan beberapa perubahan dalam majlis bertadris tahun ini ia-itu dengan mengadakan sharahan2 berhubung dengan pembacaan Al-Quran dengan cara yang betul dan tafsir-nya. Beberapa orang guru Al-Quran, pnsarah dan pegawai2 kanan dalam JHEU telah menyumbangkan tenaga mereka bagi melaksanakan maksud itu.

Ada-lah di-anggarkan bahawa suasana majlis2 bertadris dalam bulan Ramadhan tahun ini ada-lah lebih ramai dan meriah dan di-perchayai suasana itu akan lebih meriah lagi pada tahun akan datang.

Pengiran Haji Abbas bin Pengiran Aliuddin, (gambar bawah), salah sa-orang yang hadir dalam majlis menamat bertadris sedang membaca ayat2 Al-Quran.



Y.B. Pehin O.K. Ratna Di-Raja sedang menyampaikan hadiah kepada pemenang ketiga dalam peraduan hapadz ayat2 suchi Al-Quran, Awang Johari bin Kamis dari Tutong.



Angkatan Tariq bin Ziad dalam pelayaran menuju Sepanyol. Ini ada-lah babak yang terdapat dalam lakunan tatoo Tariq bin Ziad.



Suasana dalam majlis bertadris di-rumah Y.B. Pehin O.K. Ratna Di-Raja yang di-selangi dengan sharahan2 mengenai pembacaan Al-Quran dan tafsir-nya. Gambar atas ia-lah ketika majlis menamat di-adakan pada hari Ahad lepas.



Pahlawan Tariq bin Ziad yang di-lakukan oleh pelakon pentas tempatan yang terkenal, Awang Abd. Wahab Tengah berjalan tangkas sa-sudah menewaskan tentera2 Sepanyol termasuk Rodreck yang kelihatan terkapar musnah di-tangan pahlawan Islam yang gagah perkasa itu. Lakunan Rodreck (terbang berbaju putih) di-jayakan oleh Pg. Yunus bin Pg. Hj. Besar sa-orang dramatis tempatan yang berbakat.

SEJARAH RENGKAS PUASA BULAN RAMADHAN

MENURUT istilah Ugama Islam, perkataan Puasa yang di-ambil daripada bahasa Arab "as-sia-mu" atau "as-su-u-mu" arti-nya menahan diri daripada makan dan minum, atau bersetuboh atau memasukkan sa-suatu ka-dalam rongga badan manusia mulai dari terbit fajar sadek hari itu hingga masok matahari, dengan syarat2 dan peratoran yang tertentu serta di-niatkan puasa.

Terjemahan "as - sia - mu" atau "as-su-u-mu" pada pengertian bahasa ia-lah menahan diri daripada melakukan sa-suatu, umpama-nya daripada bekerja, berchakap, makan, tidur dan sa-bagai-nya. Maka manakala sa-seorang menahan diri daripada berchakap umpama-nya, di-namakan dia berpuasa daripada berchakap dan sa-terus-nya.

BENTOK PUASA DALAM SEJARAH

Telah di-cheritakan di-dalam Al-Quran mengenai sebab dan bentok rupa puasa Nabi Zakaria a.s. pada Surah Mariam ayat 4 hingga 10.

Cherita-nya, Nabi Zakaria yang sudah berumur tua itu terkenangkan ia tidak mempunyai anak lelaki yang bakal menyambung zuriat keturunan-nya untuk meneruskan penyembahan bakti kepada Allah dan mewarishi keturunan Nabi Ya'akub a.s. Lalu ia pun bermohon kepada Allah agar di-beri sa-orang anak lelaki. Do'a-nya di-makbolkan Allah dan di-wahyukan kepada-nya bahawa ia di-kurniakan sa-orang anak lelaki bernama Yahya. Mendengar demikian amat-lah gembira hati Nabi Zakaria, lalu sujud-lah ia mengucap keshukoran dan pujian dan kerana terlalu suka-nya mendapat khabar baik itu bertanya-lah ia untuk menetapkan hati-nya.

"Wahai Tuhanku! Bagaimana-lah aku ku peroleh anak sedangkan aku amat tua dan isteriku pun mandul".

Tuhan mewahyukan kepada-nya bahawa demikian-lah Kudrat Iradat Allah, sedangkan kamu sendiri asal-nya daripada tiada, maka Tuhan telah mengadakan kamu dan tanda-nya kamu akan beroleh anak itu, bahawa kamu tidak akan berchakap dengan manusia sa-lama 3 hari dan 3 malam, sedangkan badanmu sehat seperti biasa.

Wahyu ia-lah yang di-se-sebut di-dalam Al-Quran pada ayat 10 Surah Mariam.

KESAH BUNDA NABI ISA

Bunda Nabi Isa a.s. ia-itu Syedatina Mariam telah mengalami jenis puasa yang sama (seperti Nabi Zakaria), tetapi dengan sebab2 yang berlainan.

● **UNTOK** tatapan pembacha di-bulan Ramadhan yang berkat ini, maka renchana Sejarah Rengkas Puasa Bulan Ramadhan akan dapat menambahkan pengetahuan kita terhadap ibadah berpuasa yang di-wajibkan Umat Islam mengerjakan-nya sa-bagai salah satu rukun Islam yang lima.

Renchana ini di-tulis oleh Awang Abdul Latif bin Haji Hashim dari Jabatan Hal-Ehwal Ugama Brunei dan telah chuba membentangkan tentang ibadah puasa dan sejarah-nya. Dengan renchana ini, semoga akan menimbulkan manfaat-nya dalam usaha untuk mengenali lebeh dekat berhubung ibadah yang di-wajibkan ka-atas kita Umat Islam.

Renchana ini di-petik dari Risalah Nuzul Al-Quran yang baru saja di-terbitkan. — Pengarang.

Apabila Allah mengkehendaki Syedatina Mariam akan mengadong anak-nya Nabi Isa a.s. untuk menunjukkan kebesaran-Nya dan menjadi Mu'jizat kepada Nabi Isa a.s. kerana di-lahirkan dengan tidak berbapa sedangkan Syedatina Mariam sa-orang perempuan yang terkenal saleh, tidak pernah berbuat jahat dan tidak pula pernah berkahwin.

Manakala Syedatina Mariam merasa diri-nya mengadong dan apabila chukop masa akan melahirkan anak, pergi-lah ia ka-tempat yang jauh dari kampong-nya di-bawah sa-pohon kayu, di-sana-lah ia mengalami sakit dan derita seperti yang di-alami oleh sa-tiap perempuan yang akan melahirkan anak, lalu beranak-lah akan Syedina Isa a.s. Sa-telah melahirkan anak itu ia di-wahyukan supaya jangan sedeh dan tenang-lah hati dan biarkan-lah anak itu menjawab apa2 juga pertanyaan orang. Seperti firman Allah dalam ayat 26 Surah Mariam:

"Bahawa manakala kamu melihat sa-seorang manusia (datang ka-tempat ini), katakan-lah kepada-nya aku telah bernadzar kepada Tuhan akan berpuasa dan kerana itu aku tidak akan berchakap dengan sa-siapa pun hari ini".

Daripada keterangan2 dalam dua peristiwa Nabi Zakaria dan Syedatina Mariam itu ternyata-lah bahawa satu daripada bentok puasa ia-lah puasa dengan tidak berchakap.

PUASA DENGAN MENAHAN DARI MAKAN

Puasa dengan menahan daripada makan minum telah diketahui sejak zaman Nabi Daud a.s. lebeh kurang sa-ribu tahun sa-belum Nabi Musa a.s., dan puasa Nabi Daud a.s. sa-bagaimana yang tersebut di-dalam hadith yang di-riwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang berarti:

"Sa-baik2 puasa ia-lah

chara puasa-nya Nabi Daud. Ia berpuasa sa-hari dan berbuka sa-hari. Dan amal puasa yang di-lakukan dalam tempoh yang paling lama ia-lah puasa Nabi Musa a.s. dan pengikut2-nya sa-lama 40 hari tidak makan dalam perjalanan mereka lari dari Fir'zun di-Mesir menuju ka-Jerusalem, kerana mereka sesat 40 hari di-padang pasir Sinai. Dan puasa dalam bentok ini telah menjadi amalan yang amat digemari oleh semua penganut ugama2 di-dunia sejak purbakala hingga-lah di-zaman sekarang ini. Bahkan di-zaman moden ini puasa dianggap amalan international yang amat berfaedah bagi pendidekan jiwa supaya terchapai ketenteraman dan keteguhan batin dan letihan tuboh badan supaya kuat dan tabah menghadapi perjuangan tenaga badan dan juga untuk menjadikan potongan tuboh sa-seorang itu chantek atau sa-bagai penawar mencheegah serangan beberapa penyakit tertentu, seperti darah tinggi, bertambah darah tinggi bertambah sa-bagai-nya.

Sebab2 di-lakukan amal puasa pada zaman sa-belum Islam pada umum-nya ada-lah sa-bagaimana yang di-cheritakan di-dalam kitab Ugama Nasrani yang bernama Injil Konkordans (Bible Concordance) bahagian kedua cherian 183:

".....puasa ada-lah amalan yang di-lakukan oleh berbagai bangsa sejak beberapa lama dahulu dan kebanyakan sebab di-lakukan-nya kerana kematian (berkabong) atau kedukaan atau berkaitan peristiwa suka dan duka....."

Tersebut di-dalam Injil Samoil:

"Bahawa Nabi Daud telah berpuasa sa-lama 7 hari kerana kedukaan yang amat pada masa sa-orang anak lelaki-nya yang maseh kechil sedang sakit".

Kitab kamus pengetahuan yang terkenal bernama **Encyclopaedia Britanica** chetakan yang ka-sebelas telah memberi keterangan mengenai puasa:

".....ada-lah tujuan puasa yang di-ketahui pada masa dahulu di-amalkan menurut kepada bentuk resaman bangsa itu, letak negerinya, udara-nya, kemajuan atau kemunduran-nya, tetapi suatu kenyataan yang tak dapat di-nafikkan ia-lah puasa itu suatu perkara yang di-amalkan oleh semua ugama. Dan sa-jauh yang dapat di-ketahui tiada suatu ugama jua pun yang tidak mengakui puasa sa-bagai amal ugama".

Di-dalam kitab Injil Matius bahagian ke-enam di-terangkan:

"Nabi Isa berkata, manakala kamu berpuasa janganlah berpuasa seperti orang munafik dengan rambut yang sughol dan muka bersekeh, tetapi hendak-lah di-minyakki rambutmu dan di-sisir dan basoh-lah muka mu".

Di-dalam Injil Luke, bahagian ke-lima di-riwayatkan:

"Bahawa sa-tengah orang membantah kepada Nabi Isa mengatakan ada beberapa orang pengikut-nya tidak selalu mengerjakan puasa seperti Nabi Yahya, maka Nabi Isa bersabda: Apabila aku telah kembali ka-rahmatullah kelak di-waktu itu mereka akan berpuasa".

Dari keterangan2 serba ringkas daripada kitab2 Ugama Yahudi dan Nasrani dan sejarah2 Ugama di-dunia seperti yang tersebut walau pun jenis dan chara berpuasa itu bermacam2, tetapi tujuan mereka yang utama ia-lah mengingati sa-suatu peristiwa suka dan duka, seperti berkabong kerana kematian yang di-chintai atau pun bersyukur atau sa-suatu mekmat dan itu-lah sahaja.

(Bersambung)

12 orang anggota pulis tambahan di-kehendaki

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pulis Di-Raja Brunei sekarang memerlukan 12 orang anggota pulis tambahan yang akan di-tugaskan di-padang minyak Seria.

Pemohon2 sama ada sudah kahwin atau maseh bujang hendak-lah berumur di-antara 18 dan 28 tahun. Mereka hendak-lah tidak kurang dari 5 kaki 2 inchi tinggi dan dalam keadaan sehat.

Kelayakan yang sa-rendah2-nya ia-lah darjah enam sama ada Melayu atau Inggeris tetapi keutamaan akan di-beri kan kepada pemohon2 yang berpengetahuan Inggeris.

Borang permohonan boleh di-dapati dari Meja C.R.O. tingkat bawah di-Ibu Pejabat Pulis di-Gadong, Bandar Seri Begawan, Brunei.

39 orang masuk pereksa bahasa Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai tiga puluh sembilan orang chalon akan mengambil peperiksaan bahasa Melayu bagi orang bukan Melayu dalam pertengahan bulan Disember ini.

Peperiksaan itu akan di-adakan selama tiga hari berturut2 di-dua buah pusat peperiksaan ia-itu di-Sekolah Melayu Pesar Ulak Bandar Seri Begawan dan di-Sekolah Melayu Mohamad Alam Seria mulai 14 Disember jam 5.15 petang.

Sa-ramai dua belas orang akan mengambil peperiksaan peringkat permulaan, sembilan tingkatan satu, dua belas tingkatan dua dan enam orang tingkatan tiga.

Peperiksaan tersebut anjoran Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.



Pemindahan jentera2 hawa dingin

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua2 Jabatan ada-lah di-ingatkan bahawa jentera2 Hawa Dingin di-dalam Bangunan2 Kerajaan ada-lah menjadi sa-bahagian dari alat2 yang kekal dan tidak boleh di-pindahkan untuk di-pasang di-tempat lain, tanpa kebenaran.

Sebarang pemindahan yang di-benarkan akan di-jalankan oleh Jabatan Letrik siapa akan meng-ator untuk mengadakan wire2 tambahan yang mungkin di-perlukan dan akan menyimpan rekod serta menjaga pemeliharaan-nya.

Di-terima jadi anggota

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Bola Keranjang Amateur Negeri Brunei telah di-terima menjadi anggota Persekutuan Bola Keranjang Amateur Antara Bangsa, yang membolehkan-nya mengambil bahagian dalam pertandingan2 bola keranjang peringkat antara bangsa.

Ini telah di-shahkan dalam sa-puchok surat yang di-terima baru2 ini oleh persatuan itu dari ibu pejabat-nya di-Jerman Barat.

Gambar atas menunjukkan lima buah pintu kedai sementara yang di-bena oleh pekedai2 di-Pekan Tutong. Pekedai2 menjalankan perniagaan mereka di-situ sementara menantikan kedai baru siap di-bena pada akhir tahun depan.

Satu deret kedai papan di-Pekan Tutong yang mengandungi 10 pintu telah di-roboh dan tapak-nya akan di-bena 10 buah kedai tiga tingkat.

Kongres Agong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Belia2 Negeri Brunei, akan mengadakan kongres tahunan-nya di-Pusat Belia di-Bandar Seri Begawan, pada 1 Januari, 1971.

Setia Usaha Agong M. B.B. menyeru semua persatuan belia di-negeri ini supaya memilih tiga orang wakil, dari tiap2 persatuan, untuk menghadiri kongres itu.

Wakil2 itu hendak-lah terdiri dari pemimpin2 persatuan2 itu yang tidak memegang sa-barang jawatan dalam Jawatankuasa Tadbir Pusat M.B.B.

Nama2 wakil2 itu hendak-lah di-hantar tidak lewat dari 15 Disember, 1970.

Pendaftaran semula kad2

pengenalan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendaftaran semula kad2 pengenalan bagi orang2 yang berumur 17 tahun ka-bawah semasa mereka memperolehi-nya dalam tahun 1965, sedang di-lakukan di-empat buah daerah.

Ia-nya di-jalankan sesuai dengan syarat2 Undang2 Pendaftaran Kebangsaan tahun 1964 yang memerlukan orang2 itu mendaftar semula, lima tahun sa-telah pendaftaran pertama.

Kerja2 pendaftaran semula itu di-jalankan pada tiap2 hari di-Pejabat Pesuruhjaya bagi Pendaftaran Kebangsaan bagi mereka yang berkenaan. Ia-nya juga boleh di-lakukan di-pejabat2 pendaftaran di-Bandar Seri Begawan, Kuala Belait, Seria, Tutong atau Bangar Temburong, di-mana borang2 permohonan boleh di-dapati.

Sa-seorang pemohon di-perlukan membawa kad pengenalan-nya, dua keping gambar dan wang sa-banyak 50 sen, dan mereka yang hendak membuat pembetulan dalam kad2 pengenalan-nya, hendak-lah memberikan keterangan dan bukti untuk menyukong permohonan-nya itu.

Menurut undang2 tersebut pemegang kad2 pengenalan yang gagal membuat pendaftaran semula ada-lah melakukan satu kesalahan dan boleh di-kenakan hukuman penjara, di-denda atau kedua2-nya.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim





Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin berucap sa-belum merasmikan pertandingan membacha Al-Quran anjoran KEMUKA pada minggu lalu.

Pengawas khas Al-Quran akan di-lantek

(Dari muka 1)
belia2 dan kanak2 Islam di-negeri ini supaya lebih tekun dan rajin mempelajari pembachaaan kitab suci bagi Umat Islam itu.

Sementara itu, dalam ucapan merasmikan sambutan Nuzul Al-Quran anjuran per-satuan KEMUKA pada malam

Sinarai pengundi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pilehan Raya telah siap menjalankan kerja mem-betulkan sinarai pengundi bagi daerah2 di-seluruh negeri ini.

Jabatan itu telah menjalan-kan pembetulan sinarai peng-undi sa-tiap tahun selama sa-bulan hingga 12 Ogos tahun ini dan rangka sinarai baru pengundi2 itu telah di-tunjok-kan kepada orang ramai untuk di-pereksa dalam bulan Sep-tember.

Penyelia Pilehan Raya Dato Paduka Awang Matnor Mc-Afee berkata, sinarai baru itu boleh di-pereksa di-pejabat2 daerah masing2.

Mati lemas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang budak sekolah yang berumur lapan tahun, Sulaiman bin Muhamad telah mati lemas di-sungai dekat Jambatan Edinburgh di-Ban-dar Seri Begawan pada ming-gu lalu.

Sulaiman, sa-orang murid darjah tiga di-Sekolah Melayu Kiulap telah pergi ka-sungai itu bersama2 dengan dua orang budak lelaki yang lain untuk menangkap ketam.

Ia di-perchayai telah jatuh ka-dalam sungai dan hilang.

Orang2 kampung menchari di-kawasan itu sa-lepas kehi-langan di-laporkan dan kemun-dian-nya menjumpai Sulaiman, tetapi sudah mati.

Tempat2 pembayaran zakat fitrah bagi tahun ini

DENGAN ini di-maklumkan kepada umat Islam, baha-wa menjunjung sabda per-kenan Yang Teramat Mulia Duli Timbalan Sultan, maka nama2 yang di-sebutkan di-bawah ini telah di-lantek menjadi 'Amil bagi memungut Zakat Fitrah bagi tahun Hijrah 1390.

Awang Mohd. Yusof bin Hanafi bagi Kg. Tasek Meradun; Awang Maskin bin Kamair bagi Kg. Bunut; Pehin Khatib Haji Md. Said bin Tengah bagi Kg. Medewa dan Telanai; Haji Sabtu bin Ahmad bagi Kg. Kiarong dan Kg. Beribi; Awang Ahmad bin Abdul Razak bagi Kg. Kiulap; Awang Tahir bin Ja'afar bagi Kg. Tungku, Kg. Rimba dan Kg. Mata2; Awang Kamaluddin bin Momin bagi ka-wasan2 Ibu Pejabat Pulis Di-Raja Gadong, Berek Letrik Gadong, Kg. Gadong Estate dan rumah2 di-sepanjang Jalan Gadong, tempat penerimaan zakat dan fitrah di-Ibu Pejabat Pulis Di-Raja Ga-dong; Awang Mohd. Yusof bin Perak bagi Kg. Kota Batu, Kg. Pintu Malim dan Kg. Sungai Lam-pai.

Mudim Haji Metussin bin Safar bagi Kg. Pelambayan, Kg. Si-Gun-dang, Kg. Serdang dan Kg. Sg. Matan; Che'gu Hasbollah bin Ke-chut bagi Kg. Anggerek Desa; Pengiran Sarifuddin bin Pg. Sulai-man bagi Kg. Delima Satu; Ak. Rosman bin Pg. Haji Tengah bagi Kg. Delima Dua dan Kg. O.K. Besar Imas; Pengiran Shabbuddin bin Pg. Omar Ali bagi Kg. Subok dan Belimbing; Che'gu Abd. Ka-dir bin Talib bagi Khemah Ta-hanan Berakas, Serusof dan Batu Lima; Abd. Rahman bin Yunus

dan Ahmad bin Haji Mohiddin bagi Kg. Lambak dan Terunjing; Bolhassan bin Md. Jair bagi Be-rakas Kem, Askar Melayu Di-Raja tempat penerimaan zakat di-Madrasah Berakas Kem; Mudim Mohd. Yusof bin Abd. Latif bagi Kg. Kianggeh, Berangan dan ka-wasan Bandar Seri Begawan sa-belah timor, tempat penerimaan zakat di-Mesjid Omar Ali Saifud-din.

Haji Abd. Rahman bin Moham-mad bagi kawasan Jalan Maharaja Lela dan Sekolah Menengah Arab, tempat penerimaan zakat di-rumah kediaman Haji Abd. Rahman bin Mohammad; Pehin Udana Khatib Haji Awang Tamin bagi kawasan2 Sumbiling Lama dan Baru, Batu 1 hingga Batu 3½ Jalan Tutong ter-masok Jalan Istana Darul Hana, tempat penerimaan zakat di-Mes-jid Omar Ali Saifuddin; Awang Sharbini bin Pehin Khatib Haji Moxsin bagi Kg. Burong Pingai Ayer dan Kg. Lurong Dalam; Awang Abu Bakar bin Chuchu bagi Kg. Pandai Besi 'A' dan 'B'; Mohammad bin Abd. Latif bagi Kg. Pengiran Setia Negara dan Pekan Lama; Awang Mahmud bin Pengarah Di-Gadong Haji Abu Bakar bagi kawasan Kg. Sungai Pandan 'A' dan 'B'; Awang Metus-sin bin Haji Metali bagi Kg. Lu-rong Sikuna.

Awang Daud bin Momin, Awang Damit bin Samat dan Awang Hamidon bin Pehin Si-Raja Khatib Haji Abd. Hamid bagi Kg. Peramu; Awang Mohd. Ali bin Md. Yusof bagi Kg. Pe-ki-long Muara; Pengiran Metarsad bin Pengiran Metassan bagi Kg. Sungai Kebun; Awang Abdullah bin Daud bagi Kg. Setia Pahlawan Lama; Mudim Haji Mohd. Yusof bin Jafaruddin bagi Kg. Saba Laut; Awang Bungsu bin Pudir bagi Kg. Saba Tengah; Pehin Khatib Juned bin Jamaluddin bagi Kg. Saba Ujong; Awang Ahmad bin Abu Bakar bagi Kg. Saba Darat; Bolhassan bin Md. Jair, Kamaluddin bin Momin bagi Kg. Setia Baru, tempat penerimaan za-kat di-rumah kediaman Ketua Kampong Setia Baru; Haji Salleh bin Pehin Penyurat Mat Seruddin bagi Kg. Sungai Kedayan 'A' dan 'B'.

Pengiran Ibrahim bin Pengiran Ahmad bagi Kg. Pemancha Lama; Awang Abu Bakar bin Pehin O.K. Seri Wangsa Awang Haji Abd. Hamid bagi Kg. Hujung Tanjong dan Kg. Kuala Peminyak; Haji Mohd. Zain bin Sheikh Haji Ibrahim bagi Kg. Pengiran Benda-hara Lama; Pengiran Zainal bin Pengiran Mohd. Yassin bagi Kg. Pengiran Kerma Indera Lama dan Kg. Pengiran Tajuddin Hitam; Pe-hin Khatib Haji Abd. Hamid bin Metassan bagi Kg. Bukit Salat, Kg. Ujong Bukit dan Kg. Lim-bongan, tempat penerimaan zakat di-Mesjid Omar Ali Saifuddin; Pehin Khatib Haji Md. Yusof bin Khatib Haji Sulaiman bagi ka-wasan Bandar Seri Begawan Utara, tempat penerimaan zakat di-Mesjid Omar Ali Saifuddin; Pehin Si-Raja Khatib Awang Haji Abd. Hamid bagi Kg. Sultan Lama dan Pulis Di-Raja Bandar Seri Begawan, tempat penerimaan zakat di-Mesjid Omar Ali Saifud-din; Pehin Tuan Imam Dato' Pa-duka Awang Haji Mohd. Yusof bin P.O.K. Perdana Wangsa Hj. Mohammad bagi Kg. Tamoi Ujong dan Kg. Tamoi Tengah; Ak. Sabuddin bin Pg. Sapiuddin bagi Kg. Pg. Si-Raja Muda 'A' dan 'B'.

MELIHAT ANAK BULAN SHAWAL

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama pega-wai2 dari Jabatan Ukor akan melihat anak bulan Shawal pada petang hari Ahad 29 Nohember bagi menentukan Hari Raya Puasa bagi tahun Hijrah 1390.

Pegawai2 itu akan pergi melihat anak bulan di-tiga tempat ia-itu di-Bukit Ta-bor Bintang Berakas, Ista-na Pantai di-Tutong dan Sungai Bera di-Seria.

Jika anak bulan nampak pada petang hari Ahad itu, maka Hari Raya akan jatuh pada hari Isnin 30 Nohember dan jika tidak nampak, maka Hari Raya akan tetap jatuh pada hari Selesa 1 Disember, 1970.

Jabatan Hal Ehwal Uga-ma juga mengumumkan bahawa sembahyang Hari Raya di-semua mesjid2 di-seluruh negeri akan di-mulakan pada pukul 7.30 pagi.